

Penyayang lancar program 'Gegar U'

BANGI 29 Julai - Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang) akan melancarkan program kemasyarakatan raksasa, 'Gegar U' melibatkan golongan mahasiswa daripada 16 buah universiti seluruh negara yang akan bekerjasama dalam aktiviti komuniti secara besar-besaran.

Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah berkata, mereka yang terdiri daripada anggota-anggota Kelab Penyayang di universiti terlibat akan memilih sebuah komuniti dan membangunkan projek infrastruktur yang diperlukan di kawasan itu.

Menurut beliau, syarikat pemaju akan dijemput memberi khidmat kepakaran kepada golongan sukarelawan tersebut bagi menyiapkan projek yang dipilih dalam tempoh yang ditetapkan.

"Perjalanan projek itu akan dirakamkan untuk tatapan penonton program realiti televisyen, *Misi Suara Hati* yang akan ditayangkan di Astro," ujar beliau ketika berucap di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (ESSET) di sini hari ini.

Nori berucap mengumumkan aktiviti terbaru Penyayang pada perasmian Sidang Kemuncak Kelab Penyayang yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd. dan Ketua Pegawai Eksekutif Penyayang, Leela Mohd. Ali.

Program 'Gegar U' itu lanjutan daripada kejayaan kelab-kelab berkenaan menyelesaikan kes-kes yang dikemukakan kepada mereka dalam program *Misi Suara Hati* 1, 2 dan 3.